

Mencari Ilmu Manfaat

Daripada Jabir bin Abdillah R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

سَلُوا اللَّهَ عِلْمًا نَافِعًا، وَتَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ

Maksudnya: "Mohonlah kepada Allah ilmu yang bermanfaat, dan berlindunglah dengan Allah daripada ilmu yang tidak bermanfaat."

Riwayat Ibn Abi Syaibah di dalam *al-Musannaf* (12/605), Ibn Majah (3843) dan Abdun bin Humaid dalam *al-Musnad* (1/118)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Ahmad Safwan al-Karami di dalam bukunya *Don't be Afraid* berkata: Sebagai manusia yang hidup bermasyarakat, tentu kita tidak boleh meninggalkan kebiasaan-kebiasaan yang ada, walaupun tidak bermanfaat. Tetapi kita boleh menghindarinya demi kejayaan. Jika ingin berjaya, kita harus rela meninggalkan kegiatan-kegiatan itu. Berbual-bual dengan kawan memang mengasyikkan, namun apakah kita tidak menyedari bahawa hal itu tidak mendorong ke arah kejayaan sama sekali. Bahkan waktu untuk melakukan tindakan-tindakan yang merujuk pada kejayaan habis kerana kebiasaan itu.
2. Kelemahan yang harus diperbaiki pada masyarakat kita adalah kebiasaan suka mencari kegiatan-kegiatan yang tidak bermanfaat, yang tidak boleh mendorong majunya kerjaya. Mereka sudah terbiasa dengan mencari kelemahan orang lain lalu diumpat. Apakah kegiatan seperti itu tidak menghabiskan banyak waktu? Lalu apakah hasil yang diperolehi setelah melakukan kegiatan itu?

3. Warung merupakan salah satu tempat bertemu dan berkumpul orang-orang gagal. Boleh dilihat dari pemandangan seperti ini ketika pagi dan malam hari. Perhatikan adakah ada yang berusaha memecahkan masalahnya? Tentu mereka lebih cenderung membicarakan kelemahan orang lain. Mereka tahan sampai berjam-jam bahkan tidak ingat lagi pekerjaan yang seharusnya diselesaikan hari itu. Apakah hal ini bukan pemborosan waktu? Adakah dengan berbual seperti itu dapat mengatasi kegagalan demi kegagalan?
4. Orang-orang yang berjaya tidak pernah menyisihkan waktunya untuk kegiatan-kegiatan yang tidak bermanfaat dan yang tidak dapat mendorong ke arah kejayaan. Walaupun ada kegiatan di kampungnya, mereka lebih baik membuang wang asalkan boleh menunaikan tugasnya agar tidak sia-sia. Baginya waktu sama dengan wang dan prinsip ini sudah melekat dalam hidupnya.
5. Mengapa kita tidak berusaha berprinsip seperti mereka? Adakah kerana pengaruh lingkungan yang menyebabkan kegagalan kita? Kita tidak boleh menyalahkan lingkungan. Tetapi salahkan diri sendiri sebagai pembetulan diri.
6. Jika kita boleh memanfaatkan waktu secara tepat, nescaya kita dapat mencapai kejayaan walaupun lingkungan tidak menguntungkan. Tetapi kalau kita masih boleh menyimpan sifat memboroskan waktu, maka kegagalan demi kegagalan akan selalu hinggap dalam hidup kita. Percayalah semua itu bergantung pada sikap dan keperibadian kita.
7. Sekarang golongan remaja sudah mempunyai fikiran yang lebih maju. Mereka meninggalkan kampung halaman pergi ke tempat lain untuk mewujudkan cita-citanya. Mereka sudah belajar memanfaatkan waktu dengan tepat. Sehingga tidak menghairankan jika setiap akhir tahun selalu membawa hasil yang lumayan. Mereka yang berfikiran seperti inilah yang dapat mencapai cita-citanya dan boleh mencapai kejayaan di kemudian hari. Tetapi tidak sedikit pula yang mengalami kegagalan. Akibatnya banyak pengangguran di mana-mana. Orang seperti ini tidak pernah mahu bangkit dari kegagalan.
8. Mereka yang gagal pada dasarnya tidak mempunyai semangat kerja. Mereka selalu membuang-buang waktu secara sia-sia. Bahkan mereka cenderung pada tindakan-tindakan di luar kehendaknya sendiri. Lihatlah orang-orang yang seperti ini selalu bersahabat dengan minuman keras dan sejenisnya. Alangkah sedihnya jika kita seperti mereka.

9. Dr. Hasan Syamsi Fasha berkata: Mohonlah kepada Allah SWT supaya dikurniakan ilmu yang bermanfaat serta rezeki yang melimpah ruah. Ilmu itu adalah perbendaharaan yang tidak akan dapat dirompak oleh pencuri. Seribu ringgit yang berada dalam genggam si jahil akan jatuh nilainya ibarat segenggam pasir. Sedang segenggam pasir yang berada di tangan seseorang itu yang berilmu akan bertukar nilainya menjadi seribu ringgit. Sayidina Ali RA berkata kepada seseorang daripada sahabatnya: Wahai petugas! Ilmu itu lebih baik daripada harta, kerana ilmu akan memelihara kamu sedangkan engkau terpaksa menjaga hartamu. Ilmu akan menjadi hakim sedangkan harta pula ditentukan oleh hakim. Harta akan berkurangan dengan sebab nafkah sedang ilmu pula akan subur apabila diajarkan.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Perpustakaan peribadi anda adalah kebun yang rendah dan taman yang penuh dengan bunga-bunga di sekitar rumah anda. Nikmatilah kebun dan taman itu bersama dengan para ulama, para bijak, para sasterawan dan para penyair.
- ❖ **Pujangga berkata:** Pengetahuan, pengalaman dan wawasan jauh lebih baik daripada tumpukan harta, kerana gembira dengan harta benda adalah sifat binatang sedangkan gembira dengan ilmu pengetahuan adalah sifat manusia.

Kisah Teladan

Imam Ibn Jauzi Rahimahullah berkata: Seorang mukmin sentiasa mengingati segala sesuatu yang dia lihat tentang apa yang berlaku pada dirinya di hari kiamat kelak. Apabila dia hendak tidur dan berselimut, dia akan mengingati kubur. Apabila dia melihat sayur-sayuran, buah-buahan, pelbagai kenikmatan dan penghijauan, dia akan mengingati syurga.

Apabila dia melihat api, orang yang diseksa dan yang dipenjarakan di dunia, dia mengingati seksa api neraka jahannam dan begitulah seterusnya, bermula dari satu perenungan hingga perenungan yang lain.

Suatu ketika al-Mahdi, salah seorang Khalifah Bani Abbasiyah masuk ke masjid Rasulullah SAW sementara orang ramai sedang berkumpul di dalamnya, di antaranya ialah para penuntut ilmu, para ahli hadis, ahli tafsir dan ahli fiqh.

Di antara mereka ada seorang ahli zuhud, alim dan ahli ibadah, iaitu Ibn Abi Dzi'ib. Tatkala khalifah dan para panglima beserta pengawalnya masuk, semua orang yang berada di dalam masjid itu berdiri untuk menghormatinya kecuali lelaki yang alim dan ahli ibadah ini tidak berdiri dan tidak berganjak dari tempat duduknya. Lalu khalifah al-Mahdi mendekatinya dan berkata: Mengapa engkau tidak mahu berdiri sepertimana orang lain? Dia menjawab: Demi Allah, yang tidak ada Tuhan selain Dia, sesungguhnya aku sudah berniat untuk berdiri menghormati tuan, tetapi tiba-tiba aku teringat firman Allah SWT:

يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: (Iaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam?

(Surah al-Mutaffifin: 6)

Akhirnya, aku enggan berdiri untuk hari itu kerana siapa yang takut kepada Allah SWT, Allah akan menjamin keamanan baginya pada hari kiamat kelak. Allah SWT berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُمْ مِنَّا الْحُسْنَىٰ أُولَٰئِكَ عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾ لَا يَسْمَعُونَ حَسِيسَهَا ۗ وَهُمْ فِي مَا اشْتَهَتْ أَنفُسُهُمْ خَالِدُونَ ﴿١٠٢﴾ لَا يَحْزَنُهُمُ الْفَزَعُ الْأَكْبَرُ وَتَتَلَقَّوْنَهُمُ الْمَلَائِكَةُ هَٰذَا يَوْمُكُمْ الَّذِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: Bahawasanya orang-orang yang telah ada untuk mereka ketetapan yang baik dari kami, mereka itu dijauhkan dari neraka. Mereka tidak mendengar sedikitpun suara api neraka, dan mereka kekal dalam menikmati apa yang diinginkan oleh mereka. Mereka tidak disusahkan oleh kedahsyatan yang besar (pada hari kiamat), dan mereka disambut oleh para malaikat. (Malaikat berkata): "Inilah harimu yang telah dijanjikan kepadamu."

(Surah al-Anbiya': 101-103)

Kemudian Allah SWT berfirman lagi:

يَوْمَ نَطْوِي السَّمَاءَ كَطَيِّ السِّجِلِّ لِلْكُتُبِ ۗ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ
وَعَدَّا عَلَيْنَا ۗ إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ

Maksudnya: (Iaitu) pada hari kami gulung langit sebagai menggulung lembaran-lembaran kertas sebagaimana kami telah memulai penciptaan pertama begitulah kami akan mengulanginya. Itulah suatu janji yang pasti kami tepati. Sesungguhnya kamilah yang akan melaksanakannya.

(Surah al-Anbiya': 104)

Sesungguhnya Allah SWT telah berjanji untuk mewarisi semua yang ada di permukaan bumi akan mengumpulkan kita pada suatu hari yang tidak ada keraguan di dalamnya.

